

12/01/2000

Majoriti setuju calon Mahathir, Pak Lah

KUALA LUMPUR, Selasa - Hampir semua Badan Perhubungan Umno Negeri mengulangi pendirian mereka untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan parti Mei ini.

Mereka menjelaskan, pendirian itu sudah pun dibuat dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini dan diterima semua anggota majlis berkenaan.

Menurut ketua dan pemimpin perhubungan Umno negeri, keputusan tidak menerima pencalonan lain bagi kedua-dua jawatan tertinggi itu adalah untuk memastikan Umno terus kukuh sebagai sebuah parti Melayu terulung di negara ini.

MT dalam mesyuaratnya pada 4 Januari lalu, mengesyorkan supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan setelah usul mengenainya dikemukakan oleh badan-badan perhubungan negeri.

Di KEDAH Pengerusi Badan Perhubungan negeri itu, Datuk Syed Razak Syed Zain, berkata semua 15 bahagian negeri ini sepakat memberi sokongan padu mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Katanya, langkah itu adalah untuk mengukuhkan lagi perpaduan orang Melayu terutama di peringkat akar umbi.

"Keputusan itu juga dapat menghalang berlakunya politik wang," katanya.

Di PERLIS: Menteri Besarnya, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata semua tiga bahagian negeri itu menyokong syor supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Bagaimanapun katanya, perkara itu boleh dibahaskan pada mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian.

Di JOHOR: Pengerusi Badan Perhubungan negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata semua 20 bahagian di Johor menyokong usul kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan pada mesyuarat yang diadakan 4 Januari lalu.

Di MELAKA: Semua lima bahagian Umno negeri itu juga memutuskan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah sebagai calon tunggal bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dalam mesyuarat perhubungan negeri pada 5 Januari lalu.

Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Wira Ali Rustam berkata: "Kita mengambil masa bertahun-tahun untuk memantapkan Umno, oleh itu kita mesti ikut nasihat MT."

Di NEGERI SEMBILAN: Menteri Besarnya, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata beliau percaya tidak ada bahagian akan membuat pencalonan yang akan membuka jalan kepada perebutan kedua-dua jawatan tertinggi parti itu.

Di TEREKANGANU: Setiausaha Perhubungan Umno negeri, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor, yakin semua Bahagian Umno di negeri ini akan memberi sokongan sebulat suara cadangan supaya Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan.

Katanya, cadangan itu dijangka mendapat sokongan kerana Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi, sendiri yang menjadi Ketua Umno Perhubungan Negeri.

"Pada masa ini Umno secara keseluruhannya sedang menyusun semula gerakan untuk menyatu-padukan ahli pada semua peringkat. Saya anggap cadangan itu patut diberi perhatian yang serius," katanya.

Di PERAK: Semua 23 bahagian Umno di Perak dijangka turut memberi restu mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah sebagai Presiden dan Timbalan

Presiden parti.

Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Ramly Zahari, berkata semua bahagian dijangka menyokong usul itu selepas memahami rasional kedua-dua jawatan terbabit tidak dipertandingkan.

"Selepas mengalami pilihan raya yang disifatkan `getir', kita lihat semua bahagian bersetuju mengekalkan calon Presiden dan Timbalan Presiden," katanya.

Di PAHANG: Ketua Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, akan menyerahkan kepada perwakilan cawangan dan bahagian untuk mencalonkan sesiapa saja tokoh yang difikirkan layak bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu.

Katanya, langkah memberi kebebasan kepada perwakilan membuat sendiri pencalonan mereka itu membuktikan wujud demokrasi dalam Umno bahagian yang dipimpinnya dan semua pihak perlu menghormati pandangan perwakilan berkenaan.

"Umno Bahagian Kuantan bersikap terbuka dan kita mengamalkan demokrasi. Saya sebagai ketua tidak menentang jika ada perwakilan di peringkat cawangan atau bahagian ini yang ingin mencalonkan sesiapa juga bertanding bagi merebut jawatan timbalan presiden parti," katanya ketika dihubungi hari ini.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak mewakili 10 bahagian Umno Pahang yang lain dan Pengerusi Badan Perhubungan negeri itu, Datuk Adnan Yaakob, tidak dapat dihubungi.

Di SABAH: Badan Perhubungan negeri yakin keputusan MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan depan, dapat mengekalkan perpaduan dalam Umno.

Ketua Penerangannya, Senator Datuk Karim Ghani, berkata langkah itu dapat memastikan perpaduan dalam Umno serta keamanan negara terpelihara.

"Keutamaan sekarang menguatkan lagi Umno," katanya.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah, Datuk Dr Suleiman Mohamed berkata semua 11 bahagian Umno Wilayah sudah membuat keputusan menyokong nasihat MT itu.

"Kita masih berdepan dengan Pas, Keadilan dan lain-lain pembangkang. Jadi kalau ada pertandingan jawatan tertinggi dalam parti, macam mana kita nak berdepan dengan musuh di luar," katanya.

Pendirian Badan Perhubungan Umno Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang tidak diketahui berikutan pengerusi atau wakil Badan Perhubungan negeri terbabit tidak dapat dihubungi.

Kelmarin, Abdullah berkata beliau bersedia menghadapi pertandingan jika namanya dan calon lain dikemukakan oleh Umno bahagian bagi jawatan itu.

(END)